

Pemimpin sokong cadangan laksanakan kerahan tenaga

UM 28 OCT 2002

PEKAN 27 Okt. — Para pemimpin kerajaan hari ini menyokong cadangan melaksanakan kerahan tenaga dan mahu satu kajian mendalam dilakukan sebelum dasar itu dapat dilaksanakan.

Mereka mengakui kerahan tenaga merupakan satu idea yang baik bagi memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini selain membantu ke arah perpaduan dan ketahanan nasional.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerahan tenaga bercorak ketenteraan yang bertujuan memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat negara ini hanya boleh dilaksanakan jika ia menjadi sebahagian daripada dasar pertahanan negara.

Kerahan sedemikian, kata beliau, memerlukan kajian mendalam termasuk dari segi kemampuannya untuk mencapai kepeperluan dan kepentingan negara.

"Kalau buat kerahan tenaga dan tiada pengecualian misalnya ke atas mereka berusia 18 tahun, kita terpaksa melatih ratusan atau ribuan orang setiap tahun. Ini barangkali memerlukan satu jumlah perbelanjaan yang besar," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang akan mengemukakan kepada Kabinet mengenai cadangan melaksanakan kerahan tenaga.

Dr. Mahathir memberitahu, cadangan tersebut adalah bagi memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini dan berpendapat cadangan tersebut merupakan perkara yang positif.

Cadangan itu diutarakan pada sesi dialog Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara oleh aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ahli Parlimen

Barisan Nasional (BN) Gelang Patah, Chang See Ten.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, kerajaan harus mengkaji konsep kerahan tenaga dari segi kos pelaksanaan serta pulangnya sebelum membuat keputusan memperkenalkannya.

Konsep tersebut, jelas beliau, hanya boleh diperkenalkan sekiranya kajian mendapati ia adalah munasabah.

Setakat ini, menurut beliau, konsep yang mirip kepada kerahan tenaga yang diperkenalkan kerajaan ialah Khidmat Sosial Negara (KSN).

"Konsep tersebut yang hanya melibatkan 1,000

orang peserta pada asalnya ditambah menjadi 20,000 peserta pada tahun ini setelah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kerajaan perlu menggubal undang-undang baru mengenai kerahan tenaga sekiranya Kabinet menerima cadangannya untuk melaksanakannya.

Undang-undang baru itu, katanya, perlu digubal bagi memberi kuasa kepada kerajaan melaksanakan dan menguatkuasakan kerahan tenaga tersebut.

Menurut beliau, jika undang-undang baru itu tidak digubal, pelaksanaan kerahan tenaga itu bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan di mana semua rakyat adalah sama dari segi taraf.

"Undang-undang itu juga perlu mengambil kira hak asasi manusia dan juga Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia," katanya.

Rais menambah, program kerahan tenaga itu perlu diperhalusi dari pelbagai skop dan perundangan termasuk sama ada memerlukan penglibatan pihak polis dan tentera atau sebaliknya.